

UNIVERSITI TETAP RELEVAN

Ayuh nanjangkan langkahmu!



Bernama
D Hadjiah
Ahmad

D iam tak diam, semester baru sudah berpecah minggu baru. Dalam era pandemik ini dan juga zaman Revolusi Industri 4.0, masih ramai lagi anak-anak muda yang mempunyai semangat yang tinggi dan mengorak langkah ke menara gading. Walaupun angka enrolmen menunjukkan penurunan di semua universiti di seluruh dunia namun ia tidaklah terlalu drastik sehingga menggugah gugat reputasi dan prestasi universiti.

Antara perubahan menarik bagi mahasiswa yang baru mendaftarkan diri pada minggu pertama adalah berkisarkan ranjau dan duri dalam membuat keputusan menjajuk keji ke universiti. Semasa sesi *briefing* dan satu kenal, penyarah sedikit sebanyak mengorek rahsia akan keberadaan mereka di institusi yang sudah mereka daftarkan.

Ramai antara mereka masuk dengan kerelaan kerana berjaya menggapai jurusan yang mereka minati dan tak kurang juga ada yang mahu menarik diri kerana kursus itu bukan pilihan mereka sebaliknya adalah paksaan ibu bapa. Tak kurang juga, ramai pelajar yang memberi respons bahawa cakap-cakap orang yang negatif jika diekstrak secara terus ialah lambakan graduan yang masih menganggur.

Persepsi ini bermain dengan tanggapan bahawa usa-bergraduan dari IPT i.e perlu datang bersama pakej kerja sekali. Lebih malang lagi, ada segelintir cakap-cakap orang ini yang memang sentimen pengangguran dengan memetik statistik graduan tidak bekerja bagi menyekat minat muda mudi yang ingin melangkah menuntun ilmu ke menara gading.

Jika beginialah yang kita fikirkan dan yang kita canangkan, maka tahap pemikiran kita masih tertinggal jauh di belakang. Zaman anak-anak kita ini adalah zaman Revolusi Industri 4.0. Zaman yang memerlukan kemahiran baru, zaman ledakan teknologi dalam mengemudi tenaga manusia, zaman transformasi yang memerlukan kemahiran bervariasi. Inilah juga waktunya era pandemik menghemat secara global yang

mengakibatkan kehilangan graduan kepada riban orang. Zaman pandemik yang secara tidak langsung memberi nafas baru kepada pekerjaan dengan kemahiran digitalisasi. Ke mana harus anak-anak kita menuju untuk mereoleh ilmu dan melengkapkan diri selaras dengan aliran Revolusi Industri 4.0 dan era pandemik ini. Dan zaman Revolusi Industri 4.0 (RI.4) dan juga era pandemik ini, menara gading masih kekal relevan sebagai penyaji ilmu berkualiti dan menyediakan manusia yang lebih sivil. Di sinilah tempat mereka yang dahaga untuk mengisi minda mereka dengan input dan informasi berguna.

Menara gading di Malaysia menjajuk kepada institusi pengajian tinggi, sama ada awam atau swasta, bersifat ilmu fundamental dan teoritikal.

Terus utama pemberi perkhidmatan ini adalah pengajaran dan pembelajaran di samping pelbagai lagi peranan lain seperti yang termaktub di dalam buku KPI pendidikannya.

Selain daripada juga IPT amat komited untuk memastikan kemahiran dan mahasiswa dilengkapi dengan ilmu bahkan mengujur kepada kemahiran lain yang bersifat fleksibel dan *survival* supaya mahasiswa lebih yakin, mandiri dan cemerlang di dunia luar selepas tamat belajar. Tidak hairanlah, program dan kursus yang ditawarkan di IPT bukan sewenang-wenangnya direka dan ditambah dengan perasa, sebaliknya direka khusus dalam

memastikan matlamat melahirkan graduan yang cemerlang dan terbalang terlatihannya.

Institusi pengajian tinggi adalah penginapan kepada pembangunan dalam pembangunan dalam menyediakan tenaga berkepaksaan dan berkemahiran, justeru di dalam era mencabar ini, program yang ditawarkan sudah diperhalusi dan disesuaikan dengan kehendak perubahan global yang semakin tuntas.

Tanggungjawab dalam mengangsur mahasiswa mengikut orientasi RI.4 dan juga cabaran semasa pandemik adalah dengan memberikan konteks yang kukuh, pendekatan kepada cabang ilmu dan alat penyelesaian masalah yang boleh memberikan manfaat kepada sosioekonomi serta keseluruhan umat manusia di dalam ruang lingkungan dunia.

Lihatlah orang-orang yang mengagui cita-cita hebat di luar sana. Semuanya dipergunakan dengan angan-angan, wawasan dan sokongan ibu bapa yang tidak berbelah bagi. Bayangkan bila kita tidak mengagalkan anak-anak kita belajar hingga ke menara gading akibat permainan persepsi negatif yang liar. Di manakah mereka? Apakah bahasa yang menjadi bicara? Apakah aktiviti yang dilakukan seharah? Sibukkah mereka di luar mencari pekerjaan?

Ragaimanakah mereka mendapati alam kefasaan dengan ilmu yang kurang? Apakah luca bahasa perbuluan di tempat menuntun ilmu? Siapakah

lingkungan teman-teman mereka? Bagaimana kehidupan seharah mereka yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi? Fokus kehidupan lebih kepada peredaran ilmu, aktiviti universiti, pendaharan program membina diri mahasiswa serta hal kehidupan yang *chic* tetapi berpandukan ilmu dan matlamat yang jelas di pengujung.

Kehidupan di menara gading juga berbeza di mana *circle of friends* atau ruang lingkungan sahabat lebih kepada diskusi secara ilmiah bagi membincangkan tugasan serta masalah-masalah yang dihadapi yang tinggi jika muda muda kita ingin melangkah ke menara gading kerana kita seharusnya berbangsa kerana jalan ini, bakal membuka mata mereka dan melonjakkan diri mereka ke satu peningkatan kesedaran yang lebih baik.

Pengalaman menuntun ilmu di menara gading adalah sesuatu yang tidak ternilai dalam mengajar seseorang menjadi lebih manusiawi dengan pertimbangan bersandarkan ilmu. Betapa beruntungnya mereka yang terbuka dan boleh mengosiasasi perkiraan pembelajaran dengan perubahan pemikiran manusia. Muda mudi, jangkan terkesan dengan cakap-cakap orang. Nanjangkan langkahmu ke menara gading supaya engkau bisa menimba sesuatu yang berharga buat masa depanmu.

Penulis Pesarahan Pusat Sains Kemahiran dan Universiti Malaysia Pahang (UM)

dialog kotaraya oleh juragan

